

DERAF TEKS UCAPAN

20 JUN 2021

**UCAPAN ALUAN**  
**YANG BERUSAHA ENCIK HAIROL ARIFFEIN SAHARI**  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**HALAL DEVELOPMENT CORPORATION BERHAD (HDC)**  
**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN BAGI**  
**MEMBANGUNKAN DANA HALAL (*GO HALAL FUND*) ANTARA**  
**HALAL DEVELOPMENT CORPORATION BERHAD DAN**  
**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

**21 JUN 2021 (ISNIN)**

---

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali  
Menteri Kanan  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim Ali  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Yang Berbahagia Dato' Mahmud Abbas  
Pengerusi Halal Development Corporation Berhad

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar  
Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad

Yang Berusaha Encik Mohd Muazzam Mohamed  
Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad  
Pengurusan Kanan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan  
Industri

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

Tuan – Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan, Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri yang sentiasa menyokong usaha dan program-program HDC **ke arah memecut pembangunan industri Halal negara**. Ucapan penghargaan juga kepada rakan strategik HDC untuk Dana Halal atau dikenali sebagai *Go Halal Fund* ini, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad kerana sentiasa memberi komitmen yang tinggi kepada usaha HDC untuk menambah lagi bilangan usahawan tempatan industri Halal, yang **berdaya maju dan menyumbang kepada pendapatan Negara melalui perdagangan dan pelaburan**.

Hadirin yang dihormati sekalian

2. Dalam usaha merencanakan peningkatan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam industri Halal Malaysia, HDC sentiasa merangka dan melaksanakan pelbagai program pembangunan secara **bersepadu**, yang **memfokuskan kepada pembangunan kapasiti, kebolehpasaran guna tenaga dan keupayaan eksport agar usahawan PKS mempunyai wawasan tinggi untuk menjadi sebuah entiti yang besar, berdaya saing, maju dan mampan di peringkat domestik dan global**.

3. Justeru itu, kerjasama strategik HDC bersama Bank Islam dalam membangunkan Dana Halal atau *Go Halal Fund* ini khusus bagi menggalakkan penyertaan usahawan PKS dalam pembangunan

ekosistem Halal Malaysia dan membantu mereka **meningkatkan prestasi perniagaan** ke tahap yang lebih tinggi serta mengembangkan perniagaan ke peringkat global.

4. **Selain pakej kewangan Dana Halal dengan saiz permulaan portfolio sejumlah 100 juta ringgit ini, kerjasama juga adalah melalui Platform Digital, iaitu integrasi antara Halal Integrated Platform HDC dan platform SMEXpert Bank Islam.** Antara kriteria utama untuk mendapatkan Dana Halal, **PKS hendaklah terlebih dahulu mendaftar sebagai ahli kepada Halal Integrated Platform (HIP) dan memberi komitmen untuk melengkapkan modul-modul program yang direncanakan oleh HDC.** Untuk makluman anda, HIP adalah satu platform digital yang menyatupadukan semua komponen utama yang ada dalam ekosistem Industri Halal di Malaysia. Setakat ini terdapat sejumlah hampir 2,200 syarikat yang telah pun mendaftar di dalam platform HIP ini. Mereka ini sudah boleh dipertimbangkan untuk memohon Dana Halal ini.

5. Prinsip utama dalam kerjasama di antara HDC dan Bank Islam Malaysia Berhad melalui integrasi antara platform HIP dan SMEXpert untuk meningkatkan intervensi dan memperluas skop sokongan yang diperlukan oleh PKS di samping mempromosikan penyertaan PKS dalam pembangunan ekosistem Halal yang secara afdhalnya mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.

6. Sebagai komuniti HIP, HDC akan membantu PKS untuk menerokai pasaran digital dan menjadi rangkaian hubungan kepada komuniti Industri Halal lain yang terdiri daripada syarikat multi nasional dan syarikat besar tempatan, agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta, institusi kewangan, takaful dan sebagainya.

7. Di samping itu, HDC juga mempunyai peranan dalam memastikan PKS dibimbing melalui aktiviti khidmat nasihat teknikal berkenaan pra dan pasca persijilan Halal Malaysia, program latihan Halal, promosi dan informasi mengenai pasaran baru, sehingga PKS tersebut **mencapai sasaran perniagaannya**. Secara langsung, ini akan menyumbang kepada peningkatan bilangan PKS industri Halal yang **lebih berdaya saing** dalam ekosistem halal domestik dan juga global.

8. Kerjasama strategik antara HDC dan Bank Islam ini, Insya-Allah, mampu meningkatkan pulangan kepada pendapatan negara, **maksudnya, aktiviti-aktiviti perniagaan yang lebih rancak dalam Industri Halal, akan menyumbang kepada eksport, meningkatkan pelaburan langsung tempatan dan pembangunan modal insan yang lebih berkualiti.**

9. Pendekatan seperti ini juga saya percaya, **dapat membantu para PKS yang terjejas akibat pandemik Covid-19, bangkit semula dan terus menyumbang kepada kebangkitan Industri Halal** sejajar dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

10. Saya berharap agar kerjasama HDC-Bank Islam ini **menjadi pencetus dan satu permulaan yang signifikan serta bermanfaat kepada Institusi Kewangan dan Perbankan Islam yang lain untuk bekerjasama dengan HDC** dalam mengukuhkan lagi industri Halal Malaysia seterusnya dapat mewujudkan ekosistem Halal yang lestari dan mampan.

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin

Ali, Menteri Kanan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan rakan strategik, Bank Islam Malaysia Berhad di atas komitmen yang tinggi dalam merealisasikan program Dana Halal ini.

Sekian, Terima kasih.

Wabillahitafiq Walhidayah Wassalamualaikum WBT